

18/03/2004

Hanya calon bersemangat perjuangan diketengahkan

SIBU: Barisan Nasional (BN) sentiasa memastikan calon yang dipilih mewakili parti itu dalam pilihan raya mempunyai pengalaman dan semangat perjuangan yang selaras dengan kehendak parti, iaitu memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, semua calon BN yang bertanding dalam pilihan raya kali ini, mempunyai keupayaan untuk menyambung perjuangan BN, iaitu memastikan pembangunan dinikmati semua peringkat masyarakat.

"Calon bukan dipilih berdasarkan kepada personaliti atau popularitinya tetapi berdasarkan kepada pengalaman dan semangat perjuangannya.

"Berdasarkan kepada asas itulah, Robert Lau Hoi Chew dan Tiong Thai King dipilih sebagai calon BN untuk bertanding di Parlimen Sibul dan Lanang.

"Ini kerana, mereka mempunyai keupayaan untuk menyambung perjuangan BN dan memastikan hasrat menjadikan Sibul sebagai sebuah bandar raya akan mencapai matlamatnya," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di sini, kelmarin.

Hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam; bekas Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Tan Sri Wong Soon Kai; Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, Datuk Wong Soon Koh; Lau dan Tiong.

Abdul Taib berkata, Lau dan Tiong adalah dari satu pasukan yang kuat dan mempunyai keazaman tinggi untuk membangunkan bandar Sibul dan menjadikannya sebagai sebuah bandar raya.

Justeru, kritikan terhadap kedua-dua calon adalah tidak wajar kerana mereka sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan rakyat Sibul hidup dalam keadaan aman dan damai.

Sementara itu, Lau ketika berucap meminta calon DAP iaitu Wong Ho Leng (Sibul) dan David Wong Kee Woan (Lanang) keluar daripada parti itu dan menyertai BN, jika mereka benar-benar berhasrat untuk membantu rakyat Sibul.

"Hanya BN yang mampu membantu rakyat Sibul, jadi calon DAP diminta keluar daripada parti itu jika mereka benar-benar ikhlas dengan kata-kata mereka iaitu berjuang untuk kebaikan Sibul dan anak cucu mereka," katanya.

Katanya, penduduk Sibul hendaklah bersatu dan mengundi BN kerana sokongan mereka amat diperlukan tidak kira mereka tinggal di kawasan bandar atau luar bandar.